

## BAB III

### PENERAPAN KANUN JINAYAH SYARIAH DI SARAWAK MALAYSIA

#### A. Hukuman Bagi Pelaku Penzina (Studi Kasus di Sarawak Malaysia)

Perundangan Islam dipercayai mula diamalkan oleh golongan masyarakat Islam sejak tertubuhnya pemerintahan kerajaan melayu Melaka, keadaannya semakin jelas apabila Raja pada masa itu telah memeluk Islam. Pada peringkat awalnya perlaksanaan hanya pada soal ibadah dan perkawinan. Setelah itu agak menyeluruh pula pada beberapa bagian undang-undang sivil dan jinayah.<sup>1</sup>

Terdapat beberapa teks undang-undang Melayu lama yang telah di kumpulkan, antara teks undang-undang Melayu lama yang boleh menggambarkan bentuk perundangan yang dipakai pada masa itu yaitu, Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang Kedah dan Perak.<sup>2</sup>

Di Melaka undang-undang yang dilaksanakan adalah undang-undang Islam yang telah dipakai dan disesuaikan dengan adat Melayu. Teks yang dapat dikesan dan dipakai oleh pemerintahan melayu Melaka pada zaman itu ada dua Teks:

---

<sup>1</sup> Abd monir haji ya'kub, Perkembangan Perundangan Islam. Penerbitan Sarjana (M) Sdn Bhd 1985, cet. 1.h. 66

<sup>2</sup> Zaini Nasohah. Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia Sebelum Dan Menjelang Merdeka. Percetakan Cergas (M) Sdn Bhd 2004, cet, pertama. H.3

1. Undang-Undang Melaka atau Risalah Hukum Kanun<sup>3</sup>, risalah hukum qanun ini telah menjadi kompilasi undang-undang Islam yang menjadi rujukan dan panduan bagi negeri-negeri lain.
2. Undang-undang Laut Melaka, mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan peraturan pelayaran dan perniagaan, kesalahan jinayah perdagangan serta bidang kuasa nakhoda (kapten) kapal.

Penulis memberikan contoh bagi Hukum Kanun Melaka, karena Hukum Kanun Melaka ini banyak dijadikan rujukan oleh negeri-negeri lain. Teks Hukum Kanun Melaka ini tidak memuatkan keseluruhan Undang-undang Islam, bahkan bercampur dengan undang-undang adat, tetapi bagian perundangan Islam yang diperuntukkan di dalam teks ini berhubungan dengan perkawinan, perceraian, jual beli, qisas, dan hudud (jinayah).

Undang-undang Melaka mengenakan hukuman Allah bagi orang yang membunuh, orang yang mencuri, qadzaf, dan mengenakan hukum diat dan ta'zir.

Disini apa yang ingin penulis kemukakan mengenai hukuman terhadap jinayah zina dan meminum yang memabukkan:<sup>4</sup>

Pada pasal dalam kanun Melaka yaitu:

40.1 Pada hukum zina itu atas dua perkara:

*Satu.* muhsan namanya laki-laki atau perempuan yang sudah bersuami dan nikah yang sah.

---

<sup>3</sup> Dr Hj Abdullah Ishak. Islam Di Nusantara. Khususnya di tanah Melayu, terbitan Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, cet. 2 1992 h. 147

<sup>4</sup> Ibid, h. 44

*Kedua:* tiada muhsan, laki-laki yang tiada beristeri dan perempuan yang belum bersuami.

Bermula maka yang muhsan itu dihukum direjam dan di lontar dengan batu hingga mati. Maka ghair muhsan hadnya didera seratus kali pula dibuangkan keluar negeri itu setahun.

Syarat muhsan itu 4 perkara:<sup>5</sup>

- a. Islam
- b. Baligh
- c. Berakal
- d. Tiada ia gila (tidak gila)

Bermula hamba laki-laki dan hamba perempuan hadnya setengah daripada merdeka 50 kali palu.

40.2 bermula hukum liwat dan menyertai binatang seperti hukum zina juga. Jikalau tiada setubuh hingga peluk cium juga, di ta'zirkan oleh hakim jikalau di hadkan 20 palunya.

Bermula dihukumkan (oleh hakim zina dengan ikrar atau 4 orang saksi) laki-laki yang merdeka melihat orang zina itu.

Bermula jika 2 orang saksi berkata: "kami melihat ia zina pada suatu penjuru" ; 2 orang berkata-kata: "kami melihat ia zina pada penjuru lain," maka tiada sabit, pada hukum zina itu hendak sekata keempat saksi itu, maka sabit hukum zina, maka dihukumkan seperti adat dahulu jika adanya.

---

<sup>5</sup> Ibid, h. 44

41 pasal yang keempat puluh esa pada menyatakan hukum Islam minum arak dan tuak, maka barang siapa minum arak dan tuak atau minum barang minuman yang memabukkan, jikalau merdeka 40 kali dera akan dia, jikalau abdi 20 kali deranya.

Bermula dihadkan 2 perkara, suatu dengan ikrar, suatu dengan 2 orang saksi laki-laki. Tidak dihadkan dengan dicitum bau tuak yakni tiada dihukum padanya.<sup>6</sup>

Dengan apa yang penulis bawakan dapatlah dilihat bahawa Undang-undang Islam ketika itu sudah diterapkan dan dijalankan sesuai dengan hukum Islam.

Menurut ketua hakim Mahkamah Syariah di Sarawak Malaysia “Meskipun hukum Pidana Islam di Malaysia menghukum perbuatan zina yang terjadi di kalangan mereka yang sudah menikah, namun hukuman itu bukan karena hubungan seks luar nikah itu sendiri tetapi karena kesalahan 'pengkianatan rumah tangga'. berbeda dengan pandangan syariat islam. ia tidak mengharuskan hubungan seks antara pria dan wanita kecuali berdasarkan pernikahan yang sah. kalau hubungan seperti itu terjadi di luar pernikahan, ia dilihat sebagai perzinahan yang harus dihukum. bukan satu persoalan dalam syariat islam apakah pesetubuhan haram itu terjadi dengan kerelaan hati kedua belah pihak atau tidak dan apakah melibatkan suami atau isteri orang maupun tidak. cuma dalam kasus hukumannya jalan ringan dari mereka yang sudah menikah”. Satu hal yang perlu disebut di sini adalah

---

<sup>6</sup> Ibid, h. 45

tindakan terhadap pezina ini berdasarkan pada pandangan syariat Islam bahwa zina merupakan suatu keburukan yang menyentuh stabilitas dan keamanan masyarakat. Ini karena, itu adalah invasi yang signifikan terhadap sistem kekeluargaan yang merupakan dasar pertama dalam pembentukan masyarakat.

#### **B. Ketentuan Qonun Bagi Pelaku Perzinaan di Mahkamah Syariah Sarawak Malaysia**

Melihat dengan apa yang dibawa mengenai hukuman Islam yang berjalan di tanah Melayu yaitu Hukum Kanun Melaka ini dapat dikatakan sebagai pengumpulan undang-undang Melayu kuno yang digunakan pada masa itu dan menjelaskan hukum syara' telah diakui dan diberi tempat dan dapat dilihat hukum Islam juga sudah ada dijalankan di tanah Melayu.

Sebelum datangnya penjajah undang-undang yang diikuti di negeri-negeri Melayu ialah undang-undang Islam yang menyerapadatkan Melayu yang sesuai.

Apabila datangnya pengaruh British undang-undang Inggris telah dimasukkan dan diterima di negeri-negeri Melayu dengan dua kaedah.

Pertama dengan kaedah perundangan melalui perundangan dan

Kedua Pihak berkuasa British telah menasihati Raja-raja Melayu agar membuat beberapa undang-undang bertulis dan undang-undang itu semua mengikut contoh undang-undang Inggris secara langsung atau tidak.<sup>7</sup>

---

<sup>7</sup> Ahmad Mohammed Ibrahim, h. 41

Dalam berbagai perjanjian yang dibuat Raja Melayu dengan pihak Inggeris, telah dinyatakan bahawa Raja-Raja Melayu bersetuju menerima semua nasihat inggeris kecuali dalam hal ihwal Agama Islam dan adat istiadat Melayu. Walaupun peruntukan tersebut diadakan namun Inggeris pada hakikatnya sama ada secara langsung telah campur tangan dalam hal ehwal Islam serta pentadbirannya.

Inggeris juga telah memasukkan keputusan hakim ke negeri-negeri selat, negeri-negeri melayu dan negeri-negeri borneo dan akhirnya akta undang-undang bertulis yang berkenaan mahkamah hendaklah memakai common law England dan kaedah-kaedah ekuiti yang di England.

Undang-undang inggeris diperkenalkan secara rasmi dalam tahun 1937, ketika kedudukan undang-undang inggeris bertambah kukuh kedudukan undang-undang Islam pula semakin tergoyah dan terpisah kerana mahkamah-mahkamah di Malaysia (tidak termasuk syariah) akan menjalankan undang-undang inggeris (*common law and equity*).<sup>8</sup> Sekalipun mahkamah syariah tidak termasuk dalam menjalankan undang-undang inggeris tetapi mahkamah syariah telah di peruntukan dalam melaksanakan hukuman dalam kasus jinayah, dengan maksud apa-apa yang ada dibawah mahkamah syariah adalah yang telah ditetapkan perlembagaan.

Wewenang mahkamah syariah menjatuhkan hukuman adalah tertakluk kepada peruntukan akta parlemen, yaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jinayah) 1965 (Pindaan 1984). Akta ini telah menyekat

---

<sup>8</sup> Abd monir haji ya'kub. Perkembangan perundangan Islam. H. 66

kebebasan dan kuasa negeri berkaitan dengan bidangkuasa jinayah Mahkamah Syariah. Akta ini memperuntukan Dewan Undangan Negeri hanya boleh menggubal kesalahan jinayah syariah yang hukumannya tidak melebihi 3 tahun penjara, denda lima ribu ringgit (RM 5000 bersamaan RP 13500000), dan enam kali cambukan<sup>9</sup>. Dalam hal yang demikian Dewan Undangan Negeri tidak boleh menggubal hukuman yang lebih dari yang dinyatakan diatas.

Akibatnya undang-undang Islam sebetulnya tidak lagi menjadi undang-undang asas di Malaysia, dan tempatnya telah diambil alih oleh undang-undang Inggeris.

Jika dilihat pada ayat diatas yang menyebut agama-agama lain berhak menjalankan hukum agama masing-masing, masyarakat Islam lebih-lebih lagi perlu menjalankan syariat agama Islam yang telah diwahyukan Allah di dalam Al-Quran dan dijelaskan oleh Nabi Muhammad saw.<sup>10</sup>

### **1. Bidang Kuasa Mahkamah Syariah**

Dari sudut sejarah, Mahkamah Syariah telah dipinggirkan semasa penjajahan British. Mahkamah Syariah telah direndahkan kedudukannya sehingga menjadi mahkamah terbawah di dalam hierarki system keadilan semasa pentadbiran British, terutamanya setelah British memperkenalkan Courts Ordinance dalam tahun 1948. Sementara itu bidangkuasa mahkamah syariah telah dikikis dan keperluan prasarana

---

<sup>9</sup> Pasal 2 Akta No. 355 tentang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang diamendemen tahun 1984

<sup>10</sup> Ibid, h. 40

telah diabaikan. Layanan ke atas mahkamah syariah adalah berbeza dengan mahkamah sivil.<sup>11</sup>

- a. Mahkamah Syariah di Negeri-Negeri telah ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Negeri-Negeri, selaras dengan Butiran 1 Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya juga disertai dengan bidang kuasa eksklusifnya, yang melibatkan tuntutan ke atas kes-kes dan kasus jinayah setakat yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan bagi orang-orang yang beragama Islam.<sup>12</sup>

Dalam melaksanakan bidang kuasa jinayahnya pula, mahkamah Syariah pada peringkat awal, tidak diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman sebat (cambuk) terhadap mana-mana orang yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan jinayah Syariah. Ini adalah kerana berdasarkan kepada Muslim Courts (*Criminal Jurisdiction*) Act 1965 [No. 23 of 1965], mahkamah Syariah pada masa itu, di bawah bidang kuasa jinayahnya, hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes-kes jinayah yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi enam bulan dan denda tidak melebihi seribu ringgit atau kedua-duanya.

---

<sup>11</sup> Kertas Kerja Pelaksanaan Hukuman sebat Dalam Kes Jinayah Syariah: Cabaran dan halangan. Oleh Zainul Rijal Abu Bakar

<sup>12</sup> Pelaksanaan Hukuman Sebat dalam kes Jinayah Syariah: Masalah dan penyelesaiannya Oleh Mahamad Naser Bin disa, Timbalan Ketua Bahagian Penyelidikan (Seksyen Syariah), Jabatan Peguam Negara dengan dan kawan-kawan. Dibentangkan dalam Seminar Hukuman Sebat Jinayah Syariaiah anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 23 April 2009



- b. Walau bagaimanapun, pada tahun 1986, suatu pindaan telah dibuat melalui Akta A612, yang memberi kuasa kepada mahkamah Syariah untuk mendengar dan menjatuhkan hukuman terhadap kesalahan jinayah Syariah yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi tiga tahun denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau hukuman sebat tidak melebihi enam kali sebatan atau kedua-duanya. Terkini, Akta tersebut telah dikenali sebagai Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jinayah) 1965 [Akta 355] dan bidang kuasa yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang dikenakan hukuman tersebut dikekalkan.<sup>13</sup>

Dengan bidang kuasa yang diberikan tersebut, hukuman sebat telah menjadi salah satu daripada hukuman terhadap beberapa kesalahan yang telah diperuntukan di bawah enakmen/ordinan/akta kesalah jinayah Syariah di Negeri-Negeri dan Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Sebagaimana yang diperuntukan oleh Perlembagaan Malaysia. Kuasa Mahkamah Syariah adalah dibawah enakman negeri. Tetapi tidak melebihi apa yang telah diperuntukkan.<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> ibid

<sup>14</sup> [http://ms.wikipedia.org/wiki/Mahkamah\\_Syariah\\_di\\_Malaysia](http://ms.wikipedia.org/wiki/Mahkamah_Syariah_di_Malaysia). di unduh pada 21 december 2010. 16.09 wib. Laman ini diubah buat kali terakhir pada 00:28, 4 Disember 2010.

1. Sebagaimana dalam Perlembagaan Malaysia 1965.

Kuasa Mahkamah Syariah yang telah diperuntukan oleh Perlembagaan Malaysia 1965 adalah seperti berikut.<sup>15</sup>

- a. Boleh membicara dan menghukum dengan hukuman penjara atau denda ke atas orang Islam sahaja
- b. Denda tidak melebihi RM1000.00 sahaja atau
- c. 6 bulan penjara atau
- d. Gabungan kedua-duanya (denda dan penjara)
- e. (Pindaan) Perlembagaan Malaysia 1984

Kuasa Mahkamah Syariah yang diperuntukan oleh Perlembagaan Malaysia 1984 dengan pindaan adalah seperti berikut:

2. Boleh membicara dan menghukum dengan hukuman penjara atau denda ke atas orang Islam sahaja<sup>16</sup>
  - a. Denda tidak melebihi RM5000.00 sahaja atau
  - b. 3 tahun penjara atau
  - c. Hukuman rotan tidak melebihi daripada enam kali sebatan atau
  - d. Gabungan ketiga-tiganya (denda, penjara dan rotan)
3. Enakmen dan Akta Kekeluargaan Islam di Malaysia

Undang-undang kekeluargaan Islam merupakan suatu akta bagi mengkanun peruntukan-peruntukan tertentu undang-undang kekeluargaan Islam mengenai perkawinan, penceraian, nafkah,

---

<sup>15</sup> <http://halaqah.net/v10/index.php?topic=7538.0>

<sup>16</sup> Ibid

penjagaan dan lain-lain yang berkaitan dengan kehidupan keluarga. Setiap individu di Malaysia boleh merujuk kepada undang-undang kekeluargaan mengikut negeri masing-masing.<sup>17</sup>

### C. Pemikiran Dan Anutan Fikih Islam Di Sarawak Malaysia

Melihat pada pemikiran Islam di Malaysia terutama fikih, di Malaysia bersandar pada Madzhab Ahlus Sunnah Wal-Jamaah, atau lebih khusus, berta'lid kepada Madzhab yang empat, khususnya, khususnya Madzhab Syafi'e. Tetapi telah timbul permasalahan yaitu sekalipun lingkup fikih tradisional agak luas, tetapi tidak membahas bidang *siyasa* (politik) kalau ada aspek politik yang disentuh, lebih menekankan kedudukan rakyat yang harus menaati pemerintah dan sultan, dan ini yang menjadi satu pemikiran yang di pegang masyarakat, yaitu rakyat harus menaati pemerintah untuk kesejahteraan umum.<sup>18</sup>

Permasalahan kedua yang ada yaitu meskipun banyak perpedoman kepada hukum-hukum fikih, tetapi dalam banyak hal masih berkompromi dengan hukum adat atau tradisi, dan memegang dengan kuat hukum yang ditentukan penjajah, dan apa yang tertera pada perlembagaan (konstitusi).<sup>19</sup>

---

<sup>17</sup> Forum Feqh Perundangan dan Pengertian Jinayah. Diunduh pada 21 December 2010. <http://halaqah.net/v10/index.php?topic=7538.10;wap2>.

<sup>18</sup> Dr Abdul Rahan Hj Abdullah. *Pemikiran Islam Di Malaysia*. Terbitan Gema Insani Press, cet. 1 jakarta 1997, h. 49

<sup>19</sup> Dr Abdul Rahan Hj Abdullah. *Pemikiran Islam Di Malaysia*, h. 49

Sebagaimana penulis dapati bahawa hukum pidana Islam tidak dapat diberlakukan sesuai dengan aturan hukum Islam karena perlembagaan atau konstitusi telah menetapkan aturannya dan belum pernah diberlakukan.

#### D. Akta Hukuman Bagi Negeri Sarawak

Disini penulis membawakan undang-undang yang dikenakan di propinsi Sarawak, hampir menyamai semua peruntukan di negeri-negeri dalam Malaysia.

##### 1. Sarawak: Ordinan Jinayah Syariah (Sarawak)<sup>20</sup>

Negeri	Akta/Enakmen/ Ordinan	Jenis-Jenis Kesalahan	Hukuman
Sarawak	Ordinan Jenayah Syariah (Sarawak)	1. Sumbang Mahram (Sek <sup>21</sup> 17) 2. Pelacuran (Sek. 18) 3. Muncikari (Sek. 19) 4. Liwat (Sek, 22) 5. Musahaqah (Sek, 23)	RM 5,000.00 penjara tidak melebihi 3 tahun <b>sebat</b> <b>tidak melebihi</b> <b>6 kali</b> mana- mana kombinasi

<sup>20</sup> Ordinan No. 46 tahun 2001

<sup>21</sup> Sek: Seksyen